

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Tuan Wong Ling Biu [Sarakei]
SOALAN : minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dengan terperinci rancangan Kerajaan Pusat untuk membantu petani-petani mempertingkatkan pendapatan mereka. Senaraikan jenis-jenis subsidi yang diberikan kepada pekebun-pekebun atau petani-petani demi meringankan bebanan mereka dalam bidang pertanian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan begitu komited dalam membantu petani untuk mempertingkatkan pendapatan mereka. Oleh itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan 6 jenis bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif di bawah sub-sektor padi dan beras dalam usaha meringankan beban dan sekaligus meningkatkan pendapatan petani. Bantuan yang diberikan adalah Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (IPP), Subsidi Harga Padi (SSH), Insentif Peningkatan Hasil (IPH) dan Subsidi Harga Beras (ST15%). Bantuan yang diterima adalah dalam bentuk input pertanian seperti baja

sebatian, baja urea, baja organik, baja foliar, baja NPK tambahan, kapur, racun dan juga upah pembajakan. Peruntukan bagi setiap subsidi adalah seperti berikut:

Bil.	Subsidi/ Insentif	Peruntukan (RM juta)
1.	Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah	85
2.	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	465
3.	Insentif Pengeluaran Padi	563
4.	Subsidi Harga Padi	480
5.	Insentif Peningkatan Hasil	80
6.	Subsidi Harga Beras (ST15%)	528
JUMLAH		2,201

Di samping itu juga, MOA juga telah memberi bantuan kepada petani bagi tujuan peningkatan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran melalui pelaksanaan projek-projek berikut :

a. **Projek TKPM**

Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan projek pertanian yang dilaksanakan secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi oleh usahawan atau sektor swasta. Tujuan pelaksanaan projek ini adalah untuk mewujudkan kawasan kekal pengeluaran tanaman makanan.

Sehingga Disember 2013, jumlah keseluruhan keluasan yang telah dibangunkan adalah seluas 9,130 hektar dengan melibatkan seramai 1,046 usahawan tani. Jumlah pengeluaran yang telah dihasilkan adalah sebanyak 63,623 tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM88.45 juta.

Pada tahun 2014, peruntukan sebanyak RM1.71 juta telah disediakan untuk menyelenggarakan projek TKPM.

b. **Projek Pembangunan Tanah Terbiar**

Projek ini adalah untuk membangunkan tanah yang telah terbiar minimum 3 tahun berturut-turut. Pada tahun 2014, Jabatan Pertanian telah mengenalpasti seluas 119,273 hektar tanah terbiar di seluruh negara.

Sejak tahun 2007 hingga 2013, Jabatan Pertanian telah membangunkan tanah terbiar seluas 9,213.2 hektar dengan melibatkan 7,517 orang pengusaha. Pengeluaran yang dihasilkan adalah sebanyak 178 ribu tan dan nilai pengeluaran adalah sebanyak RM78.6 juta.

Pada tahun 2014, peruntukan sebanyak RM2.5 juta telah diberikan untuk membangunkan 125 hektar tanah terbiar yang melibatkan 125 orang pengusaha.

c. **Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan**

Sejak tahun 2011 hingga tahun 2013, Jabatan Pertanian telah membangunkan seluas 376.35 hektar buah-buahan dengan melibatkan 540 orang pengusaha. Kawasan dan jenis tanaman yang ditumpukan adalah tanaman durian di Perak, Pahang dan Johor, tanaman rambutan di Kedah dan Pulau Pinang, tanaman mangga harumanis di Perlis serta tanaman mangga di Melaka.

Pada tahun 2014, Jabatan Pertanian telah diberi peruntukan sebanyak RM0.5 juta untuk memfokuskan pembangunan seluas 78 hektar di Johor, Kelantan, Melaka, Pahang dan Perak.

d. **Projek Pembangunan Kluster Buah-Buahan**

Pada tahun 2014, sebanyak RM3.2 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Pertanian untuk pembangunan buah-buahan secara kluster iaitu tanaman durian di Batu Kurau, Perak dan Raub, Pahang, rambutan di Baling, Kedah dan mangga Harumanis di Perlis.

e. **Projek Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan**

Jabatan Pertanian telah membangunkan 314.98 hektar sayur-sayuran melalui projek ini dengan melibatkan 219 orang pengusaha sejak tahun 2011 hingga tahun 2013.

Pada tahun 2014, fokus pembangunan sayur-sayuran akan dilaksanakan di enam negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu yang melibatkan keluasan 106 hektar dengan peruntukan sebanyak RM0.75 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan sama ada Kerajaan Pusat mempunyai pelan tindakan untuk pembangunan di bandar Sarikei dan Bintagor. Berapakah jumlah peruntukan dari Kerajaan Pusat yang telah disalurkan dalam 5 tahun yang lepas untuk segala pembangunan di bandar Sarikei dan Bintagor. Senaraikan jenis-jenis projek pembangunan yang akan dijalankan di bandar Sarikei dan Bintagor pada 5 tahun akan datang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang disalurkan kepada Majlis Daerah Sarikei dan Majlis Daerah Maradong dan Julau dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Majlis Daerah Sarikei

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)
Geran Tahunan	4,478,894.65
Sumbangan Membantu Kadar	706,137.41
Peruntukan Projek Kecil PBT (BP1) (103 projek)	11,846,860.50
Bantuan Bil Elektrik	1,276,179.00
JUMLAH	18,308,071.56

Majlis Daerah Maradong dan Julau (Bintangor terletak di PBT ini)

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)
Geran Tahunan	3,062,887.75
Sumbangan Membantu Kadar	398,666.60
Peruntukan Projek Kecil PBT (BP1) (96 projek)	10,270,033.00
Bantuan Bil Elektrik	154,309.00
JUMLAH	13,885,896.35

Projek-projek pembangunan bagi kawasan PBT tersebut untuk 5 tahun akan datang adalah bergantung kepada perancangan dan permohonan yang diterima daripada PBT tersebut. Skop bagi projek-projek kecil di PBT meliputi infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014